

**NO. SOALAN: 69**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR ]**

**SOALAN : 69**

**Dato' Haji Abdul Manan Bin Ismail [ Paya Besar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kes rasuah membabitkan sektor Kerajaan, sektor syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta pada tahun 2014,2015,2016 dan tiga bulan pertama tahun 2017.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Paya Besar, antara tahun 2014 hingga 15 Mac 2017, jumlah Kertas Siasatan yang dibuka terhadap kakitangan awam adalah sebanyak 1,584. Bagi sektor syarikat berkaitan kerajaan (GLC) pula sebanyak 72 Kertas Siasatan telah dibuka. Sementara bagi sektor swasta, sebanyak 497 Kertas Siasatan telah dibuka. Selain itu, sebanyak 1,014 Kertas Siasatan telah dibuka

bagi lain-lain kategori yang tidak termasuk dalam kategori di atas. Secara keseluruhannya, dalam tempoh tersebut, sebanyak 3,167 Kertas Siasatan telah dibuka.

Sekian, terima kasih.